

ICU JPM pantau projek bersama Sabah mulai Januari

Kota Kinabalu: Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan melaksanakan pemantauan secara bersama dengan kerajaan Sabah, bagi memastikan projek Persekutuan di negeri ini berjalan lancar, mulai Januari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau mencadangkan perkara itu supaya perkembangan projek yang dilaksanakan di negeri ini dapat dipantau setiap bulan dan memastikan projek yang lambat dapat disegerakan.

Langkah itu katanya, perlu selepas beliau melihat dan mendengar sendiri isu yang dibangkitkan rakyat Sabah sepanjang kempen Pilihan Raya Negeri Ke-17 (PRN17) yang lalu, selain disuarakan pemimpin negeri ini mengenai masalah dihadapi di Sabah.

“Bagi pihak saya, tentu hanya boleh mengatakan kita sudah meluluskan peruntukan yang besar untuk air, elektrik, jalan raya, Pan Borneo dan juga untuk jalan kampung, tetapi bagi rakyat yang di sana, dia kata betul-betul (di-

luluskan), tapi kami sekarang belum ada ataupun air masih terbatas atau jalan masih parah.

“Kita dengar, jadi saya nak cadangkan kepada ICU di JPM mulai Januari depan kita akan mulakan pemantauan projek bersama dengan kerajaan negeri.

“Ia supaya kemajuannya dapat kita tinjau, pantau setiap bulan, kalau sudah ada projek itu mengapa berlaku kelewatan dan apa lagi yang patut disegerakan,” katanya berucap pada Majlis Sentuhan MADANI Bersama Rakyat Negeri Sabah, di Pusat Konvens-

yen Antarangsa Sabah (SICC), di sini, semalam.

Anwar turut memberi jaminan akan memberi perhatian dan memastikan tiada penangguhan kelulusan projek, selain memastikan penyaluran peruntukan dibuat pada Januari.

“Kalau setakat Kerajaan Persekutuan, saya beri jaminan sedaya upaya akan beri perhatian dan tentukan tidak ada penangguhan kelulusan projek.

“Malah untuk projek tahun depan, kalau dulu semua peruntukan diberi pada April, tapi se-

jak dua tahun yang lalu saya luluskan projek, dana untuk negeri disalurkan pada Januari.

“Maknanya, kalau Januari, sekarang boleh rancang dan Januari projek mesti jalan. Jadi kita mengotakan apa yang kita ucapkan dan ini penting dalam politik kerana kalau tidak, ia tidak akan selesai,” katanya.

Perdana Menteri menegaskan, pemimpin boleh berbeza pendapat, namun beliau memberi jaminan tanggapan mendakwa Kerajaan Persekutuan mengabaikan negeri adalah tidak benar.